

## **Teks Ucapan**

**YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin  
Naib Canselor UiTM**

Sempena

**Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan**

anjuran

**Pusat Jaringan Alumni  
Pejabat Jaringan Industri, Komuniti & Alumni [ICAN]**

**Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah (MTQI)  
Shah Alam**

**2 April 2024**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW.**

**Kepada yang diraikan:**

1. Anak-anak dari Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah (MTQI) serta Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Shah Alam (MTAQSA);

**Kepada tetamu khas kita:**

2. Yang Berusaha  
Prof. Dr Muhamad Rahimi Osman  
Pengerusi Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah (MTQI)  
(Mantan Dekan Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari, UiTM)
3. Yang Berbahagia  
Prof. Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

**Barisan Pengurusan dan Pentadbiran ICAN yang bersama meraikan majlis pada hari ini:**

4. Yang Berusaha  
Prof. TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah  
Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri Komuniti dan Alumni UiTM;
  
5. Prof. Dr. Muhammad Hussain Ismail  
Pengarah Pusat Jaringan Industri;
  
6. Prof. Madya Dr. Mahadir Ladisma @ Awis  
Pengarah Pusat Jaringan Komuniti;
  
7. Prof. Madya Dr Nazura Mohamed Sayuti  
Pengarah Pusat Jaringan Alumni ;
  
8. Para Presiden dan Wakil Persatuan Alumni UiTM;
  
9. Rakan Media, Warga ICAN, serta hadirin yang saya hormati sekalian.

[Salutasi – Kemas kini akan dibuat berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
selamat sejahtera, dan salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan penuh keberkatan dan gandaan pahala melebihi seribu bulan. Selawat dan salam juga ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat dialukan, khususnya barisan alumni UiTM yang juga tulang belakang kemajuan dan pembangunan UiTM. Terima kasih diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama pada hari kedua puluh dua kita berpuasa pada hari ini.

3. Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), khususnya Pusat Jaringan Alumni, kerana menganjur Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan Alumni tahun ini.
4. Sesungguhnya majlis seumpama ini memberi peluang untuk kita semua menambah barakah serta merapatkan silaturahim dengan pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Islah (MTQI) dan Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Shah Alam (MTAQSA).
5. Semoga sumbangan yang disampaikan pada hari ini akan membawa keceriaan kepada 70 orang pelajar daripada dua Maahad yang juga diselidikan oleh alumni dan bekas staf UiTM di sekitar Shah Alam.
6. Difahamkan juga, sebagai persediaan menyambut Syawal yang bakal menjelang, pelajar-pelajar ini turut menerima sumbangan sepasang baju raya daripada KHATAM Festive Apparel Sdn. Bhd. pada 6 Syawal (18 Mac) yang lalu. Saya amat mengalu-alukan usaha syarikat korporat berkongsi rezeki membantu golongan

yang memerlukan. Ini adalah petanda bahawa KHATAM Festive Apparel yang juga milik alumni UiTM adalah korporat yang bertanggungjawab dan prihatin.

### **Hadirin yang dihormati,**

7. Sesungguhnya majlis seumpama ini amat bermakna khususnya kepada para pelajar yang diraikan agar mereka turut merasai suasana gembira pada bulan yang penuh keberkatan ini.
8. Kami menyambut baik penganjuran majlis ini, apatah lagi sebagai umat Islam, kita digalakkan bersedekah dan seboleh–bolehnya menambah amal dan ilmu pada bulan yang mulia ini.
9. Semoga segala usaha yang baik dapat memberi makna kepada pelajar-pelajar yang tentunya bersemangat dalam menjalankan ibadah puasa. Sama–sama kita rebut peluang untuk mencari keberkatan dan keredaan-Nya.

10. Buat para pelajar, anak-anak dari Maahad Al-Islah dan Maahad Wal Qiraat, saya juga ingin memaklumkan peluang menyertai Program Plus Tahfiz UiTM yang dibuka kepada pelajar lepasan pusat pengajian tahfiz yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai profesional di UiTM serta menjadi graduan yang mempunyai watak Al-Quran.
11. Program Plus Tahfiz UiTM ini merentas lebih 500 program pengajian akademik yang ditawarkan di 34 kampus, 4 kolej pengajian, 14 fakulti dan 9 pusat akademik di seluruh negara.
12. Kepada yang berminat, program holistik ini membantu para pelajar yang telah bergelar Huffaz Al-Quran bagi mempertahankan, mempertingkatkan dan melestari budaya Al-Quran di sepanjang tempoh pengajian. Rebutlah peluang yang ada ini untuk menjadi sebahagian daripada keluarga besar UiTM.

## Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

13. Selain itu, Majlis Jalinan Ukhwah Ramadan Alumni ini merupakan platform penting untuk memupuk hubungan erat persefahaman dan silaturrahi antara persatuan-persatuan alumni UiTM dan pihak universiti.
14. Semoga sokongan dan rezeki yang dikongsi bersama pelajar yang memerlukan ini akan mendapat ganjaran berlipat ganda dari Allah S.W.T.
15. Dengan kekuatan alumni seramai **726,525 orang**, berdasarkan data pada **8 Disember 2023**, para alumni bersama universiti perlu memikirkan pendekatan bagi meringankan beban mereka yang amat memerlukan sama ada bagi jangka pendek mahupun jangka panjang.
16. Sudah pasti tuan-tuan dan puan-puan dapat menyediakan bantuan yang difikirkan sesuai mengikut situasi dan kehendak semasa. Diharap bantuan yang dihulur dapat disebarluas demi membantu pelajar

menjadi modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

**Hadirin sekalian,**

17. Untuk makluman, pada tahun ini UiTM bakal menyambut Ulang Tahun ke-25 atau “Jubli Perak UiTM” sempena penubuhan institusi ini dari sebuah Institut menjadi sebuah Universiti pada tanggal 26 Ogos 1999.
  
18. Kami di UiTM amat mengalu-alukan penglibatan para alumni, rakan industri dan komuniti dalam pelbagai program menarik yang dirancang sepanjang sambutan ulang tahun ini bersama warga fakulti dan kampus cawangan. Antara program tersebut adalah Majlis Makan Malam Gala 25 Tahun UiTM yang akan diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) pada 25 Ogos 2024 serta sambutan Hari Alumni 2024 pada 19 Disember.
  
19. Tidak lupa juga saya ingin menyeru para alumni untuk mendaftar di MyAlumni UiTM. Setiap pembelian

menggunakan MyAlumni UiTM Virtual Card, layak menerima pelbagai tawaran menarik seperti ZUS Coffee dan Mokti's.

20. Akhir kata, semoga setiap kerja murni dan sumbangan kita mendapat ganjaran yang berganda daripada Allah SWT.

**Sekian. Terima kasih.**

**Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**